

POLITEKNIK PORT DICKSON

# BULETIN

PORT POLITEK

DISEMBER 2010 - MEI 2011

Bil.1/2011/Edisi Ke-11  
ISSN: 1985-8760

bersama menuju **KECEMERLANGAN**



## Majlis *Konvokesyen* 20 ke-

*"Tahap pencapaian yang hendak dirangkul adalah sesuatu yang memerlukan seluruh warga Politeknik berusaha 'beyond the normal reality' dan usaha-usaha ke arah itu memerlukan daya pemikiran yang lebih daripada 'thinking out of the box' ..."*  
- Mejar (K) Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, DNS- Pengarah PPD

# ILTIZAM PENGARAH PPD

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmatNya kita dapat meluangkan masa dalam penerbitan Buletin PPD dan ditemukan di ruangan ini.

Tahniah dan syabas kepada AJK penerbitan majalah ini bagi tahun 2011. Semoga dengan kemunculan majalah ini akan mempererat lagi hubungan silaturrahim antara semua warga kerja PPD. Diharap penerbitan majalah ini akan dijadikan sebagai landasan *info exchange* antara kita di samping menghayati pelaksanaan dan pencapaian beberapa aktiviti yang begitu memberangsangkan sepanjang separuh penggal pertama tahun ini.

Pada masa ini pendidikan peringkat Politeknik menghadapi pelbagai cabaran getir dalam melaksanakan wawasan KPTM amnya dan Pelan Strategik Jabatan Pengajian Politeknik khususnya. Kesemua ini memerlukan peluh keringat kita sepanjang masa agar usaha-usaha itu dianggap *delightment development* bagi kecemerlangan akademik. Kecemerlangan yang dituntut bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi keseluruhan organisasi dan ianya patut merupakan pembelajaran sepanjang hayat. Tahap pencapaian yang hendak di rangkul adalah sesuatu yang memerlukan seluruh warga Politeknik berusaha '*beyond the normal reality*' dan usaha-usaha ke arah itu memerlukan daya pemikiran yang lebih jitu dan teliti. Disamping itu, kita juga diingatkan untuk mendokong agenda utama iaitu memastikan Politeknik menyalur dan mengembangkan kepakaran dalam menghasilkan graduan-graduan separuh mahir yang akan menaikkan lagi imej PPD sepanjang masa.

Tahun 2011 telah membawa cabaran kepada Politeknik Port Dickson untuk membuktikan kita berupaya melaksanakan segala tanggungjawab dan kerja yang telah diamanahkan kepada kita sepanjang tahun ini. Di kesempatan ini saya merasa bangga kerana pencapaian kita bagi separuh penggal pertama tahun ini mencapai sasaran dan target yang telah ditetapkan oleh JPP. Kesemua ini adalah atas dasar semangat berpasukan yang telah ditunjukkan. Semoga harapan saya ialah semangat ini dikekalkan sepanjang masa.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan wadah PPD ini.

Sekian, terima kasih.

Mejar (K) Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, DNS  
Pengaroh  
Politeknik Port Dickson.



" Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah dilantik menjadi pemerintah kamu. Padahal aku bukan orang terbaik di kalangan kamu. Maka sekiranya aku membuat kebaikan, tolonglah aku dan apabila aku membuat kesilapan, perbetulkanlah aku."

- Abu Bakar As-Siddiq

# Lawatan kerja KETUA PENGARAH JPP KE PPD



29 Mac 2011 – Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Mejar (K) Haji Mohd Nor Yusof telah mengadakan satu lawatan kerja ke Politeknik Port Dickson (PPD) dalam siri lawatan beliau ke politeknik-politeknik di seluruh negara.

Dalam ucapan Ketua Pengarah, beberapa cadangan dan ide bernas telah dilontarkan bagi meningkatkan kredibiliti dan hala tuju politeknik dalam menterjemahkan falsafah pendidikan negara. Beliau juga mengingatkan semua agar setiap tanggungjawab yang diberi perlu dipikul bersama melalui “collective responsibility” tanpa mengira “ownership” dan perlu berfikir ke arah cara-cara baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengenegahkan inovasi

dan kreativiti bagi memelopori konsep “walk the talk”.

Seperkara lagi yang diberi penekanan ialah proses transformasi kerajaan yang menjadi agenda utama dalam mentadbir organisasi khususnya politeknik. Ingatan ini adalah seiring dengan kehendak pemimpin kita memandangkan “competitiveness symptom” yang perlu dipikul oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik.

Disamping itu, dalam menjalankan rutin harian, kita diingatkan untuk menanamkan nilai-nilai murni bagi mendidik anak bangsa. Beliau berpendapat, nilai-nilai inilah yang akan menjana satu masyarakat pelajar yang bertanggungjawab bagi memikul wawasan negara pada masa akan datang.

Pada majlis ini juga beliau memberi penghargaan khususnya kepada para pensyarah yang sentiasa gigih untuk memajukan institusi pendidikan ini.

Sebagai memperingati kunjungan hormat ini, Ketua Pengarah telah menyempurnakan aktiviti menanam pokok di sini. Sebelum mengakhiri lawatan singkat yang bermakna ini, Ketua Pengarah juga telah berjumpa serta berbincang bersama pihak pengurusan. Adalah diharapkan lawatan ini akan memberi suntikan semangat kepada semua bagi memperkasakan usaha dan komitmen warga kerja Politeknik Port Dickson sepanjang menjalankan tugas. – PRO



## WATIKAH PELANTIKAN JPP DIS 2010

19 Jan 2011 – Seramai 27 pelajar Politeknik Port Dickson (PPD) telah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Sesi Disember 2010 dalam majlis Watikah Pelantikan yang telah diadakan jam 4 petang di Bilik Tayang UPIM, PPD. Turut dilantik ialah 10 penasihat JPP termasuk penasihat Kelab Jabatan. Penyampaian amanat dan watikah telah disempurnakan oleh Pengarah PPD. Majlis ini diadakan sebagai memenuhi hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta kehendak yang terkandung dalam Akta 174, Bahagian III (Seksyen 7) Jadual Ketiga Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Adalah diharapkan, mereka yang dilantik dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh wibawa. Para pelajar yang dilantik diharap dapat menjadi perantara penyalur cadangan dan aduan pelajar kepada pihak pengurusan PPD dan memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada di PPD. - Amira

## DISKUSI REMAJA JKA

26 Jan 2011- Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam PPD telah mengadakan Program Diskusi Remaja untuk para pelajar semester dua Jabatan Kejuruteraan Awam. Program yang dianjurkan ini dijayakan oleh Exco Kerohanian JKA dengan kerjasama dari Rukun Tetangga Taman Politeknik. Program Diskusi Remaja adalah sebuah program bual bicara ilmiah diantara ahli panel yang dilantik untuk memberikan pandangan dan menjawab permasalahan yang timbul berkaitan pelajar. Program ini menekankan lebih kepada cara hidup bermasyarakat, sensitiviti masyarakat dan perkara yang dibenarkan dan dilarang untuk dilakukan dalam masa menetap di luar. Semua pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam Semester Dua seramai 209 orang dengan iringan 2 orang pensyarah. Seramai 26 orang ahli jawatankuasa bersama 3 orang ahli panel dan seorang penceramah undangan terlibat dalam menjayakan program ini. Antara pengisian yang menarik ialah pelajar diberikan panduan dan nasihat yang berguna untuk tampil sebagai ahli komuniti yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab menjaga nama baik keluarga dan organisasi. Semoga program bersama masyarakat setempat dapat diteruskan lagi di masa akan datang. - Nuratikah



# COMBI DUN LINGGI

12 Februari 2011 – Bertemakan “Ganyang Aedes”, seramai 200 pelajar bersama dengan barisan pengurusan Politeknik Port Dickson (PPD) telah terlibat dalam aktiviti gotong-royong di 5 tempat sekitar Pasir Panjang iaitu Kampung Bukit Kepong (Kampung Orang Asli), Kampung Telok Pelanduk, Kampung Telok, Kampung Tembok dan Pekan Pasir Panjang. Majlis perasmian COMBI (*Communication for Behavioral Impact*) yang diadakan di Pusat Kesihatan Pasir Panjang ini telah disempurnakan oleh YB Dato’ Ismail bin Taib, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi dan dihadiri oleh Pengarah PPD, Ketua Pengarah Hospital Daerah Port Dickson, wakil Majlis Daerah Port Dickson dan ketua-ketua kampung yang terlibat sebagai tetamu kehormat. Program ini adalah sebagai memenuhi hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memerangi Denggi melalui usaha pembersihan kawasan rumah kediaman tempat nyamuk Aedes membiak disamping memupuk kerjasama dan kesefahaman antara pelajar PPD dengan penduduk setempat. - *Amira*



## PROGRAM GERAK USAHAWAN IPT 2011

- PPD lahirkan usahawan muda

13-15 Mac 2011 – Usahawan muda PPD berjaya menggondol Naib Johan Gerai Terbaik keseluruhan melalui produk *Mat Salai*, *Ice Blended* dan *Doner Kebab* di Program Gerak Usahawan IPT 2011 anjuran bersama Pusal, Makmum dan KPT yang diadakan di Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya. Hadiah telah disampaikan oleh YB Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dalam upacara perasmian penutupan program berkenaan.


Seramai 8 pelajar telah mewakili Politeknik Port Dickson (PPD) dalam program tersebut. Lebih 30 gerai perniagaan dan 20 gerai industri telah didirikan bagi memberi peluang kepada usahawan-usahawan muda IPT yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti, politeknik dan kolej komuniti untuk mengetengahkan produk masing-masing.

Johan Program ini disandang oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) dan tempat ketiga pula dimiliki Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP). Moga kejayaan tersebut akan menjadi pendorong kepada bakal usahawan muda untuk sama-sama membudayakan bidang keusahawan di PPD. - *Salihin*

## MAJLIS PENYERAHAN ENJIN DAN CEK PERTANDINGAN PERODUA ECO CHALLENGE 2011

24 Januari 2011 – JKM PPD sekali lagi menempa sejarah yang tersendiri apabila mendapat kepercayaan daripada pihak Perodua (M) Sdn. Bhd. bagi menyertai Pertandingan Eco Challenge 2011 anjuran syarikat pengeluar kereta nasional kedua negara itu. Justeru itu, satu majlis yang dihadiri oleh Pengarah PPD, Ketua Jabatan JKM serta para pensyarah program Automotif dan wakil pelajar telah diadakan untuk tujuan tersebut. Majlis Penyerahan Enjin Pertandingan Eco Challenge dan cek bernilai RM17,500.00 itu telah diadakan di ibu pejabat Perodua di Rawang, Selangor.

Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh wakil Perodua Malaysia kepada Pengarah PPD sambil disaksikan oleh para peserta. Dalam majlis itu juga, mereka diberikan taklimat ringkas dan diskusi pertandingan yang akan berlangsung di MITC, Melaka pada Jun ini. Ketika artikel ini ditulis, pasukan Automotif JKM sedang bertungkus lumus menyiapkan chasis serta rangka enjin kenderaan bagi tujuan pertandingan tersebut. Diharapkan penyertaan ini akan mampu menaikkan nama PPD selain mengasah kemahiran pelajar dan pensyarah dalam bidang yang diceburi. - *Afdzal*



# Ahlan Wasahlan!

5 April 2011 – Unit Pengajian Islam Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU) mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Bengkel Kenali Bahasa Arab untuk warga politeknik dan masyarakat setempat. Bengkel ini disertai 65 peserta terdiri daripada pelajar, pensyarah, kakitangan politeknik serta staf-staf dari agensi-agensi berhampiran. Program ini bertujuan menyemai minat menggunakan Bahasa Arab dalam perbualan harian. Disamping itu, ia bertujuan membina keyakinan diri penuturnya.

Tenaga pengajar bengkel ini ialah pensyarah berketurunan Arab dari MEDIU. Peserta dijamu dengan hidangan Arab bagi merasai pengalaman sebenar. Menurut Pengarah Politeknik Port Dickson, bengkel ini boleh dijadikan platform bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan dan keperluan Bahasa Arab dalam kehidupan seharian. – *Yusnizam*

## Kuala Lumpur Performing Arts Centre

13 May 2011- The English Language Club organised a trip to the Kuala Lumpur Performing Arts Centre at Sentul Park. There were 30 participants who went for the trip. In addition, three lecturers were responsible for the trip were Puan Najibah, Cik Nurfarizah, and Puan Diana from Jabatan Pengajian Am. The bus left the Polytechnic compound at 12.00 p.m. and returned at 7.00 p.m the same day.

For some of them, it was their first time experience watching a musical theatre, *The Last Five Years*. The theatre is about a young couple – a rising novelist and a struggling actress, who fall in and out of love over the course of five years. The students were impressed by the performance and wish to get the same opportunity given by the English Language Club in the next future. -*Farizah*

## KHIDMAT MASYARAKAT 1 MALAYSIA DUN LINGGI

27 Mac 2011 – Seramai 180 pelajar bersama dengan barisan pengurusan Politeknik Port Dickson telah terlibat dalam aktiviti gotong-royong di 5 tempat sekitar Linggi iaitu Taman Ra'ayat Permatang Pasir, Kampung Barisan, Kampung Linggi, Kampung Tampin dan Kampung Pengkalan Durian. Selain gotong-royong membersihkan kawasan pembiakan nyamuk Aedes, sebahagian penduduk telah diberikan benih pokok ciku dan limau nipis untuk ditanam di kawasan rumah mereka.

Majlis perasmian penutup program Khidmat Masyarakat 1 Malaysia yang diadakan di Dewan Orang Ramai Rumah Rakyat Permatang Pasir ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Ismail bin Taib, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi dan dihadiri oleh Pengarah PPD, Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Linggi, wakil Majlis Daerah Port Dickson, Pegawai dari Jabatan Pengguna dan ketua-ketua kampung yang terlibat sebagai tetamu kehormat. Sebelum itu, satu penerangan oleh Pegawai Pengguna serta pameran dan kempen "*Jom Masuk Politeknik*" oleh pihak PPD telah diadakan. Program ini adalah sebagai memenuhi hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memerangi Denggi disamping memupuk kerjasama dan kesefahaman antara pelajar PPD dengan penduduk setempat. - *Amira*



## Program Khatam Quran

10 Jun 2011 – Satu program Jabatan Pengajian Am Politeknik Port Dickson (PPD) bersama komuniti iaitu Majlis Khatam Quran telah diadakan pada jam 2.30 petang bertempat di Surau Khairah Kg. Air Meleleh Port Dickson. Seramai 17 peserta telah mengambil bahagian. Program ini bertujuan mempromosikan politeknik serta menyebarkan bidang kepakaran kepada komuniti. Pensyarah-pensyarah Unit Pengajian Islam telah menyemak bacaan yang diperdengarkan oleh pelajar-pelajar tersebut. Majlis turut diisi dengan tazkirah oleh Iman 1 Masjid Jamek Abdullah Sijang Port Dickson. Penduduk setempat serta AJK Masjid Jamek Port Dickson dan AJK Surau Kahirah Kg. Air Meleleh hadir bagi memeriahkan majlis. – *Yusnizam*.

# SEKITAR Majlis **Konvokes**

POLITEKNIK PORT DICKSON

8 - 11 Mac 2011 - Majlis Konvokesyen ke-20 Politeknik Port Dickson telah berlangsung di Dewan Wawasan selama 4 hari. Hari pertama dimulakan dengan konvokesyen Jabatan Perdagangan, hari kedua Jabatan Kejuruteraan Awam, hari ketiga Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan hari terakhir Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Seramai 2259 pelajar lulusan Jun dan Disember 2010 telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia Dato' Klana Petra Dato' Haji Mubarak bin Dohak, Undang Luak Sungei Ujong. Baginda telah berkenaan bersama-sama meraikan para lulusan dari sidang pertama hingga sidang keempat. *amira*

## KESUNGGUHAN...

Warga kerja bertungkus-lumus memastikan kejayaan program terulung.

## KEPUASAN...

Usaha barisan graduan yang membuahkan hasil.

## KERIAHAN...

Kemeriahan ko...  
di gerai-

## KEBANGGAAN...

Tiada kata menggambarkan kebanggaan ayahanda dan bonda.

# Open 20 ke-

## KEMEGAHAN...

Kehadiran Undang Luak Sungei Ujong memberi gambaran prestij tidak ternilai.

## KETRAMPILAN...

Perjalanan program yang segak dengan kerjasama berpasukan warga kerjanya.

## BUHAN...

Invivo turut dirasai gerai jualan

## KEMEGAHAN...

Dewan Wawasan jadi saksi kegemilangan Majlis Konvokesyen Politeknik Port Dickson.

## EGEMBIRAN...

kata, hanya senyum dan tawa.

# PROJEK PEMASARAN.... KREATIF & INOVATIF!

22 Mac 2011 – Kreatif dan inovatif! Itulah perkataan yang dapat diungkapkan bagi menggambarkan komitmen, bakat dan kepelbagaian variasi idea para pelajar semester akhir Diploma Pemasaran dalam penghasilan produk untuk dipamerkan pada Hari Projek Pemasaran Bagi Sesi Disember 2010. Ternyata para peserta telah berjaya menguasai konsep-konsep pemasaran dan seterusnya menggunakan kefahaman tersebut bagi merancang dan mereka bentuk satu pelan pemasaran yang komprehensif. Seramai 85 pelajar mewakili 16 kumpulan telah mengenengahkan produk masing-masing bagi diadili panel penilai. Pembentangan telah dimenangi oleh produk *Magical Perfumes*, *Mooo..... Snack* dan *Apple Chips*. Terdapat peningkatan dalam mutu penghasilan produk dan ini merupakan satu petanda bahawa para penyelia yang terlibat telah berjaya memupuk budaya kerja yang kreatif dan inovatif di kalangan peserta yang mengambil bahagian. – *Salihin*



## PERSONALITY DEVELOPMENT

10 Mac 2011 – Seminar Pembentukan Penampilan Diri atau Personality Development telah diadakan di Selesa Beach Resort Port Dickson. Seminar anjuran pelajar Diploma Sains Kesytausaha semester dua ini bertujuan memberi laluan kepada para peserta menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan penampilan diri serta etiket sosial. Menyedari realiti dunia kerjaya yang amat mencabar maka atas kesedaran inilah pendedahan perlu diberi kepada para peserta bagi memberi peluang kepada mereka merasai sendiri pengalaman dalam mengendalikan majlis berprotokol. Seminar sehari yang bermula dari jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang ini dilengkapi dengan beberapa slot pengisian seperti 'Beauty Personality Talk', 'Grooming & Department Talk', pertunjukkan slaid oleh pelajar DSK dan 'Office Wear Fashion Show'. – *Salihin*



## HARI BERSAMA KOMUNITI (RUMAH ANAK YATIM, KUNDUR)

26 Mac 2011 – Bagi menjalankan tanggungjawab terhadap komuniti, Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) bersama Kelab MathComp telah menjalankan program gotong-royong di Rumah Anak Yatim PEYAKIN, Kundur, Rembau bermula jam 9.30 pagi dan berakhir jam 6.30 petang. Peserta terdiri daripada 22 pelajar dari KKE, 26 ahli kelab MathComp dan 6 pensyarah pengiring (3 dari JKE dan 3 dari JMSK). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah bermula dengan senaman ringan di pagi hari diikuti dengan membersihkan kawasan sekitar termasuk bilik air, longkang dan halaman, mengecat semua ruang termasuk bilik tidur dan melakukan pendawaian kipas dan lampu. Di samping itu, pihak penganjur sempat memberi sumbangan kepada anak-anak yatim di sini seperti wang, pakaian dan makanan. – *Azilah*



## CERAMAH SEJARAH NEGERI SEMBILAN & ADAT PERPATIH

17 Januari 2011- Sempena Hari Keputeraan DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang lalu, seramai 120 orang pelajar dan 10 orang pensyarah Unit Senibina Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson bersama Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu Cik Hajah Zaleha Abdullah telah mengikuti Ceramah Sejarah Negeri Sembilan dan Adat Perpatih bertempat di Dewan Taklimat Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah Negeri Sembilan. Kelas yang terlibat dalam ceramah ini ialah pelajar Diploma Senibina semester lima dan enam dan pelajar yang mengambil kursus Senireka C2328. Program ini berkisar tentang senibina tradisional masyarakat di Negeri Sembilan dan adat perpatih. Program dimulakan dengan ceramah senibina yang disampaikan oleh Wakil Universiti Teknologi Malaysia iaitu Yang Mulia Dr Raja Nafida Raja Shahminan. Sesi perkongsian tersebut sangat bermakna bagi warga senibina PPD. Diharapkan program ceramah dan lawatan ke luar ini dapat diteruskan lagi untuk masa akan datang sebagai memberi peluang para pelajar dan pensyarah meluaskan akses dan idea berkaitan senibina dan masyarakat setempat sebagai langkah membuka lembaran baru untuk satu dimensi yang lebih mencabar dan dinamik di masa akan datang. - Nuratikah

## GEMURUH!

25 Februari 2011 – Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah menganjurkan satu program motivasi Gemuruh yang disertai 80 pelajar yang mengulang kali kedua Kursus Kod B sesi Disember 2010. Program yang berlangsung dari jam 2.30 hingga 6.30 petang di Dewan Kuliah 5 ini telah dihadiri oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Port Dickson serta Encik Zahril Harun, Ketua Program Matematik JMSK sebagai tetamu kehormat. Antara aktiviti yang telah dikendalikan oleh 6 orang fasilitator ini ialah “Waja Dalam Diri”, “Kumpulanku”, “Menaiki Rakit”, “Kapal Karam”, “Sampaikan Mesej”, “Menara Impian” dan sesi muhasabah diri. – Amira




## program baharu DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (TEKNOLOGI HIJAU)

Januari 2011 – Kini Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dalam usaha bagi merangka satu program baru iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau) yang bakal dilaksanakan pada 2012. Semenjak bulan Januari 2011 lagi, pihak JKE telah memulakan kajian dengan membangunkan instrumen (*questionnaire*) dan di peringkat sekarang, soal selidik telah diedarkan kepada para pensyarah jabatan dan bakal diedarkan kepada pihak industri dan para pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia. Program ini bertujuan untuk melahirkan golongan profesional muda untuk menyokong dan memenuhi keperluan industri tenaga hijau selaras dengan hasrat kerajaan yang mengenalpasti sektor ini berdaya maju untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Mengikut perancangan, ia merupakan program pengajian tiga tahun yang merangkumi kerja kursus enam semester termasuk latihan industri dilengkapi dengan pengetahuan teknikal dalam bidang kejuruteraan elektrik serta kemahiran pengkhususan dalam tenaga hijau seperti sel solar, sel bahan api dan tenaga angin. – Azilah



# ARCHITECTURAL BRAINSTORMING

20-22 Januari 2011 – Unit Senibina bawah kursus Senireka 1 telah mengadakan program Brainstorming untuk semua pelajar semester dua. Program berbentuk kem ini diadakan di Rumah Negeri dan seramai kira-kira 80 orang peserta, 8 orang AJK dan 10 orang pensyarah telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut. Tujuan kem ini diadakan ialah untuk memberi ruang kepada para pelajar dan para pensyarah senibina berkumpul dan berinteraksi dalam satu suasana yang lebih santai tetapi penuh informasi, nilai kreativiti dan cabaran inovasi. Melalui kem ini para pelajar didedahkan dengan gerak kerja berkumpulan, riadah fizikal dan mental, pengisian intelektual dan rohani, persaingan dalam mengungguli cabaran dan yang paling bermakna ialah berkarya secara berkumpulan iaitu aktiviti menghasilkan projek lukisan persembahan dengan hasil rekaletak dan grafik yang menarik dalam masa yang terhad. Kem ini telah dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga Senibina khususnya antara pelajar senior dan junior dan mewujudkan semangat kompetitif sesama mereka. Adalah diharapkan agar kem seperti ini dapat diteruskan untuk menjamin kelangsungan idea dan kreativiti pelajar senibina khususnya pelajar yang mengambil kursus Senireka 1 sebagai langkah proaktif meningkatkan penguasaan mereka dalam Kursus Senireka. – Nuratikah



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT bersama ANAK YATIM MAHAD TAHFIZ DARUL FUQAHA

17 Disember 2010 – JKM bersama Kelab Kembara dan Kelab Bermotor PPD telah mengadakan satu lagi program amal untuk tahun 2010. Kali ini, program yang dinamakan Khidmat Mesra Masyarakat bersama 30 Anak-anak Yatim Maahad Tahfiz Darul Fuqaha, Bangi Selangor. Program 3 hari 2 malam yang diadakan di sekitar Hutan Rekreasi Sungai Congkak, Hulu Langat Selangor ini antara lain bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat umumnya tentang kehidupan sebagai pelajar PPD. Antara aktiviti yang turut dijalankan bersama anak-anak yatim tersebut adalah seperti perkhemahan mesra alam, motivasi, aktiviti lasak dan kerja berpasukan serta konservasi alam. Di samping itu, mereka turut didedahkan dengan cabaran sebagai pelajar apabila melangkah ke institusi pengajian tinggi dalam diskusi bersama urusetia pelajar. Diharapkan program ini dapat membuka minda masyarakat tentang persepsi sosial pelajar di IPT.-Afdzal

## TEMUDUGA TERBUKA



28 Mac 2011 – Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengadakan kolaborasi dengan Western Digital (M) Sdn. Bhd. Petaling Jaya (WD), salah satu pengeluar utama pemacu cakera keras di Malaysia. Dalam usaha memperkembangkan syarikat dan menambah bilangan pekerja khususnya juruteknik, pihak WD telah menjemput bakal graduan dari 5 politeknik berbeza bagi menghadiri temuduga terbuka pada 28 Mac 2011 di mana sasaran adalah pelajar semester akhir dari bidang Elektronik, Elektrik dan Mekanikal. 2 pensyarah pengiring Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) telah membawa seramai 29 orang pelajar DKE PPD semester akhir untuk menyertai temuduga ini. Giliran temuduga untuk PPD adalah pada pukul 3 hingga 4 petang dan hasil temuduga ini telah berjaya menempatkan lebih kurang 15 pelajar dalam bahagian yang berbeza di WD. – Azilah

## JELAJAH BERMOTOR PPD KE PENGHUJUNG BENUA ASIA SEMPERA SAMBUTAN 20 TAHUN POLITEKNIK PORT DICKSON



4 Disember 2010 – Politeknik Port Dickson (PPD) sekali lagi mengorak langkah mempromosikan Politeknik dan kali ini ke selatan tanahair. Jabatan kejuruteraan Mekanikal (JKM) bersama pasukan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) telah mengatur satu program Jelajah Bermotor PPD ke Penghujung Benua Asia bersempena dengan sambutan 20 Tahun Politeknik Port Dickson. Program konvoi bermotor yang berlangsung selama lebih kurang 4 hari ini turut disertai oleh para pelajar dan pensyarah PPD. Pelepasan dilakukan oleh Pengarah PPD sendiri di perkarangan PPD sambil disaksikan oleh para pegawai kanan. Sepanjang pergerakan, setiap penunggang diawasi oleh para marshal yang dijemput dari Team Terjah Bikers Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan adalah mengadakan lawatan ke Muzium Nenas, Muzium Bugis dan Pulau Kukup sebelum berakhir di Taman Negara Tanjung Piai yang merupakan penghujung benua Asia. Sepanjang lawatan program, para peserta turut mengedarkan 'flyers' sebagai tujuan promosi PPD bersama penduduk setempat. – Afdzal

# SEMINAR GRADUAN AKAUNTANSI, AUDIT & KERJAYA

2 Mac 2011 – Bagi memberi pendedahan tentang peluang, cabaran dan prospek dalam bidang pengauditan dan perakaunan, satu Seminar Graduan Akauntansi, Audit & Kerjaya telah diadakan bertempat di Dewan Kuliah 5. Seminar anjuran Kelas DAT6S1 dengan kerjasama Kelab Perdagangan ini bertujuan memberi pendedahan, pemahaman dan pengetahuan awal tentang perbezaan di antara konsep audit dan pengauditan. Melalui 2 slot ceramah yang disampaikan oleh Rosman Consultancy Sdn. Bhd., para peserta turut didedahkan dengan peluang kerjaya dalam bidang pengauditan dan perakaunan yang turut mengetengahkan peranan juruaudit dalam institusi masyarakat. Dengan terlaksananya seminar tersebut diharap para pelajar dapat memahami dengan lebih terperinci isi yang terkandung dalam Kursus P5205 (Pengauditan dan Penyiantasan) untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi dunia kerjaya sebenar sebagai seorang juruaudit. – *Salihin*

## YANG TUA DIHORMATI, YANG MUDA DIKASIHI



4 Apr 2011 – Pepatah Melayu ada mengatakan, 'yang tua dihormati, yang muda dikasihi'. Atas kesedaran itu, Kelab Perdagangan telah menganjurkan 'Program Sayangi dan Kasih Mereka' bagi memupuk kesedaran kepada para peserta betapa pentingkan menjaga silaturrahim sesama manusia. Bertempat di Rumah Ibuku Sayang dan Rumah Anaku Sayang Seremban, program bermula pada jam 8 pagi hingga 1.30 petang. Ia diwarnai dengan pelbagai aktiviti menarik seperti sukaneka, gotong-royong dan sesi ramah mesra. Kehadiran peserta dari politeknik ini amat disenangi dan disambut gembira oleh penghuni rumah berkenaan. Semoga program ini dapat menimbulkan keinsafan dalam diri para peserta betapa bertuahnya mereka hidup dengan penuh limpahan kasih dan sayang tatkala ada insan lain yang kesunyian dan hidup serba kekurangan. – *Salihin*

## JALINAN MUHIBBAH DAN KERJASAMA POLITEKNIK BERSAMA MEDIA MALAYSIA




26 Mac 2011 - Politeknik dan media Malaysia meneruskan jalinan muhibbah dan kerjasama menerusi program golf persahabatan yang diadakan di Bukit Unggul Country Club, Dengkil. Seramai 64 orang yang terdiri dari rakan-rakan warga media Malaysia, jemputan universiti tempatan dan warga Politeknik Malaysia telah mengambil bahagian. Hadir sama dalam program tersebut ialah, Mejar (K) Hj Mohd Nor b Yusof, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi. Beliau mengharapkan agar jalinan kerjasama antara Politeknik dengan media yang telah sekian lama terjalin akan

bertambah erat dan mampu merencanakan beberapa idea baru kearah kesejahteraan bersama. Beliau juga berharap agar rakan media akan terus menjadi perantara antara Politeknik Malaysia dengan masyarakat bagi tujuan menghebahkan aktiviti yang dikelolakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Menurut beliau lagi, Jabatan Pengajian Politeknik amat komited dalam menganjurkan aktiviti sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui Majlis Sukan Politeknik.

Untuk tahun 2011, majlis ini telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian

Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA 4) yang akan diadakan di Bandaraya Melaka pada 4 hingga 12 Jun tahun ini. Politeknik juga sedang melalui proses transformasi bagi memperkasakan bidang tujuhan dan terus berusaha membina imej bereputasi tinggi dan mengamalkan budaya kerja cemerlang. Wakil media mengucapkan terima kasih dan rasa bangga di atas usaha Politeknik Malaysia terus melibatkan media dalam membuat liputan berita demi kepentingan masyarakat. Politeknik Malaysia mengungguli kedudukan tempat pertama hingga ke tiga, manakala pasukan media Malaysia mengumpul markah tertinggi secara keseluruhan. – *Mazlan*

menarik DI DALAM



dari meja  
**EDITOR**

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Mejar (K) Haji Mohd Kharir Ibrahim, DNS

### Ketua Editor:

Pn Izawati @ Siti Zawiyah Isa

### Pen. Ketua Editor:

En Nagarajan Marimuthu

### Setiausaha:

Cik Nurfarizah Ishak

### Editor :

En Nagarajan Marimuthu  
Cik Nor Siti Hawa Mohd Nor Saii  
Cik Amira Hariyati Ruzaidi  
Pn Nuratikah Seman  
Pn Azilah Asri  
En Mohd Afdzal Mohd Rafle  
En Mohd Salihin Jamian  
En Yusnizam Yahya

### Rekabentuk Grafik:

En Azrin Mohammad  
Cik Nurul Atiqah Basri

### Jurufoto :

En Mohd Sani Laili Maslon

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan hidayahNya maka Buletin Politeknik Port Dickson (PPD) sekali lagi dapat diterbitkan bagi edisi awal tahun 2011.

Seiring dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Pelan Transformasi Politeknik, dengan semangat tahun baru, warga PPD berazam untuk menjadikan politeknik sebagai institusi pilihan serta menjana pelajarnya yang berdaya saing. PPD telah merancang serta melaksanakan pelbagai aktiviti bagi merealisasikan hasrat tersebut, antaranya mempromosikan PPD melalui aktiviti komuniti, menjalinkan rangkaian kolaborasi dengan institusi antarabangsa serta pihak industri, serta memenangi pertandingan keusahawan dalam kalangan IPTA.

Semoga segala perancangan yang dibuat berjalan dengan jayanya hasil komitmen dan usahasama semua pihak. Saya berharap agar penerbitan ini diberkati Allah dengan pelbagai maklumat yang dipaparkan. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2011" dan "Selamat Bertransformasi" kepada seluruh warga PPD.

*"It takes a deep commitment to change and an even deeper commitment to grow." – Ralph Ellison*

Ketua Editor